

11 DEC 1998

Malaysia-Tanzania (Bergambar)/I

MALAYSIA DAN TANZANIA SETUJU PERKUKUH HUBUNGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Malaysia akan berusaha meningkatkan eksport minyak sawit dan kereta nasional Proton ke Tanzania dan mengkaji kemungkinan mendapatkan keluaran barangan mentah dari negara Afrika timur itu.

Timbalan Ketua Setiausaha (I), Kementerian Luar Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid berkata usaha itu akan diteruskan mengikut persetujuan yang dicapai oleh pemimpin kedua-dua negara hari ini.

Katanya kedua-dua pihak telah bersetuju untuk memperkukuhkan lagi hubungan dua hala yang sedia ada melalui galakan perdagangan dan hubungan ekonomi serta pelaburan.

Beliau berkata demikian ketika memberi taklimat kepada pemberita selepas pertemuan selama dua jam antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Tanzania Benjamin William Mkapa di pejabat Perdana Menteri.

"Kedua-dua pihak menyatakan minat untuk memperkukuhkan lagi hubungan dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

"Walaupun Malaysia mempunyai kemampuan yang terhad untuk melahur di Tanzania memandangkan keadaan ekonomi semasa, peluang untuk meningkatkan perdagangan tetap wujud dan perlu dipergunakan sepenuhnya," katanya.

Eksport Malaysia ke Tanzania tahun lepas, yang sebahagian besarnya terdiri daripada minyak sawit dan getah berjumlah RM84 juta manakala import dari negara itu, yang sebahagian besarnya kapas, tembaga dan tembakau dianggarkan berjumlah RM40 juta.

Malaysia mempunyai pelaburan berjumlah kira-kira AS\$180 juta di Tanzania. Syarikat-syarikat Malaysia seperti Celcom dan Golden Hope mempunyai usahasama masing-masing dalam operasi sistem telekomunikasi global dan pemasaran minyak sawit.

Usahasama lain termasuklah dalam perbankan melalui penubuhan International Bank of Malaysia dan penajaan tenaga oleh pengeluar tenaga bebas.

Ghazzali berkata Malaysia telah mengeksport kira-kira 30 buah kereta Proton ke Republik itu dan berharap untuk mengeksport lebih banyak lagi.

Beliau berkata kedua-dua negara juga berminat untuk bekerjasama dalam bidang pembangunan pelabuhan dan pertanian, terutama pengurusan ladang memandangkan Malaysia mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan ladang getah dan kelapa sawit manakala Tanzani dalam pengurusan ladang kapas dan kopi.

Beliau berkata Tanzania yang sedang menjalani pembaharuan pasaran selepas sekian lama mengamalkan sistem perancangan pusat, kini akan menswastakan sektor awamnya. Dalam bidang ini negara itu sangat berminat untuk mempelajari daripada kejayaan Malaysia sendiri.

Ghazzali berkata Tanzania ingin mengetahui terutamanya bagaimana Malaysia masih boleh mengekalkan pemilikan dan arah tuju perkembangan ekonominya sambil menjalankan penswastaaan dalam konteks pasaran bebas.

Kedua-dua pemimpin itu, katanya, juga memperbaharui azam masing-masing terhadap Kerjasama Selatan-Selatan. Presiden pertama Tanzania, Julius Nyerere merupakan Pengerusi Suruhanjaya Selatan.

Beliau berkata Malaysia juga melahirkan kesediaannya untuk bertukar-tukar pengalaman dengan Tanzania mengenai pembangunan ekonomi.

Dalam hubungan ini, Malaysia akan terus menyediakan latihan kepada pegawai-pegawai Tanzani melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Sambil menyifatkan hubungan antara Kuala Lumpur dan Dar-es-Salaam sekarang sebagai baik dan kukuh, Ghazzali juga menarik perhatian bahawa ia telah diasaskan semasa kepimpinan bekas presiden, Julius Nyerere lagi.

Yang turut hadir pada mesyuarat hari ini ialah Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Pemangku Menteri Luar Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng selaku Menteri Pengiring dan Pemangku Menteri Luar dan Kerjasama Antarabangsa Tanzani, Zakia Meghji.

-- BERNAMA

RV NMO